

# UPM budayakan teknologi hijau

**S**EBAGAI sebuah universiti yang mengekalkan kehijauan dalam kampus dan mempromosi teknologi hijau, Universiti Putra Malaysia (UPM) sentiasa menyokong usaha yang sejajar dengan matlamat tersebut sebagai satu pengisian dalam program sekitar kampusnya di Serdang.

Sebagai contoh, Fakulti Pengajian Alam Sekitar universiti berkenaan dengan kerjasama Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi (CoSComm), menganjurkan program Wacana Putra bersama Ketua Setiausaha, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTHHA), Datuk Seri Ir. Dr. Zaini Ujang bagi memberi pendedahan kepada warga UPM dan masyarakat setempat mengenai usaha membudayakan teknologi hijau.

Menerusi program Wacana Putra *Sustainable Development: Deliverology of Sustainability* itu, Dr. Zaini menggesa masyarakat kampus mengamalkan gaya hidup yang lestari.

“Kesedaran awam merupakan faktor utama yang mempengaruhi kejayaan pembangunan teknologi hijau. Usaha ini memerlukan perubahan pemikiran masyarakat.

“Penglibatan badan korporat menerusi aktiviti tanggungjawab sosial korporat serta sumbangan dana secara tidak langsung akan menggalakkan kesedaran untuk bersama-sama memupuk budaya menghayati teknologi hijau,” katanya.

Sementara itu Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka



**DR. IR. ZAINI UJANG (tengah) menyerahkan basikal SERIM kepada Mohd. Ameerul Ishak sebagai simbolik mewakili seluruh pelajar UPM sambil diperhatikan oleh Aini Ideris (dua, kiri) di Serdang baru-baru ini.**

Dr. Aini Ideris yang turut hadir berkata, pelaksanaan kelestarian hijau merupakan satu agenda utama universiti.

“Banyak penyelidikan UPM tertumpu ke arah kelestarian hijau seperti penuaian air hujan di kolej kediaman, program *waste bank*, Kempen Kesedaran Serdang Bandar Biomas dan program *Recycle to Cycle*.

“Penarafan bintang pengurusan pusat tanggungjawab turut mengambil kira komponen kelestarian hijau sebagai kriteria pemarkahan dalam belanja mengurus, pengurangan bil elektrik dan air serta penggunaan kertas,” katanya.

Seterusnya Dr. Aini menegaskan, menjadi keutamaan universiti bagi memastikan kampus Serdang, Selangor dan Bintulu, Sarawak berada dalam suasana kelestarian hijau.

“Saya berharap agar warga

UPM dapat menerapkan nilai ihsan untuk menjaga alam sekitar,” katanya.

Pada majlis itu, Dr. Zaini melancarkan program Sikal Elektrik Rakyat 1 Malaysia (SER1M), UPM dengan menyerahkan basikal berkenaan kepada Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Mohd. Ameerul Ishak sebagai simbolik mewakili seluruh pelajar universiti berkenaan.

UPM menerima 200 unit basikal elektrik dalam program SER1M itu yang dilaksanakan oleh KeTHHA menerusi Green Technology Corporation bertujuan mempromosikan teknologi dalam kalangan belia.

Beliau turut menyampaikan hadiah pertandingan kitar semula kategori fakulti dan kolej kediaman di bawah program Putra Green Campus anjuran Sekretariat Pembangunan Teknologi Hijau, MPP UPM.

**PELAJAR UPM menyertai program Recycle to Cycle 2.0: Kayuhan Hijau Promosi Kitar Semula dan Berbasikal dalam kampusnya di Serdang.**

